

Rujukan : UKM.BEN.400-3/15/1

Tarikh : 25 Oktober 2019

Kepada Pelanggan Universiti Kebangsaan Malaysia,

PELAKSANAAN KAEDAH PEMBAYARAN MELALUI MAYBANK QR PAY DI UKM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman para pelanggan UKM, Universiti akan melaksanakan kaedah pembayaran secara digital melalui Maybank QR Pay. Inisiatif ini dilaksanakan bagi mempelbagaikan kaedah pembayaran secara digital selain e-Payment, *Electronic Fund Transfer (EFT)* dan Kad Debit/ Kredit. Pembayaran secara digital ini akan meningkatkan keefisienan urusan kewangan di Jabatan Bendahari di samping dapat mengurangkan risiko kehilangan, ketidakpatuhan serta kecurian tunai.

3. UKM dengan kerjasama Maybank bersetuju melaksanakan pembayaran secara digital ini dan ianya tidak terhad kepada pemegang akaun Maybank sahaja. Para pelanggan hendaklah menggunakan aplikasi Maybank bagi memudahkan pembayaran dibuat. Aplikasi Maybank tersebut adalah :
 - i. **Maybank2u**
Bagi pelanggan yang pemegang akaun Maybank hanya perlu memilih QR Pay di Aplikasi Maybank dan membuat pembayaran.

 - ii. **MAE**
Merupakan ewallet atau dompet digital, berfungsi seperti dompet fizikal iaitu menyimpan wang, kad debit, kad kredit, dan juga maklumat akaun bank kita dalam satu aplikasi bertujuan untuk menggantikan dompet fizikal. Aplikasi MAE boleh ditambah nilai melalui semua bank utama di Malaysia. MAE ini boleh digunakan bagi pelanggan yang tidak mempunyai akaun Maybank.

4. Pembayaran melalui Maybank QR Pay ini boleh dilaksanakan melalui telefon pintar. Antara pembayaran yang boleh dibuat oleh pelanggan melalui kaedah ini ialah denda, sewa ruang, bayaran perkhidmatan, sumbangan dan lain-lain. Transaksi yang dibenarkan melalui



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4521 Faksimili: +603-8921 4744 E-mel: penguatkuasaanjbend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • Inspiring Futures, Nurturing Possibilities

www.ukm.my



kaedah ini dihadkan sebanyak RM 1,000.00 sehari. Sila rujuk **Lampiran 1 Manual Operasi Penggunaan Maybank QRPay**.

5. Kaedah ini akan dilaksanakan secara menyeluruh di semua kaunter penerimaan termasuk Kolej-kolej Kediaman, Pusat Islam, Pusat Kesihatan, Penerbit, Bahagian Keselamatan, Perpustakaan Tun Sri Lanang dan lain-lain lagi. Pelajar juga boleh menggunakan perkhidmatan ini di semua kafeteria dan ruang niaga di dalam Universiti.

6. Untuk makluman, pelaksanaan akan bermula pada bulan November tahun ini dan semua pelanggan digalakkan menggunakan Maybank QRpay. Mulai **15 November 2019** semua penerimaan secara tunai tidak akan diterima di semua pusat penerimaan di Pusat Tanggungjawab (PTj).

Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan bagi perkara berkenaan amat kami hargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.


“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,

NORINI MOHAMAD

Pengarah Eksekutif Kewangan
Universiti Kebangsaan Malaysia

- | | |
|-----|--|
| s.k | - Naib Canselor, UKM |
| | - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM |
| | - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM |
| | - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM |
| | - Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM |
| | - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat) |
| | - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana) |
| | - Pro Naib Canselor (Kampus Kuala Lumpur) |
| | - Pengarah Eksekutif Pentadbiran, UKM |



UNIT DASAR & PENGUATKUASAAN

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Telefon: +603-8921 4521 Faksimili: +603-8921 4744 E-mel: penguatkuasaanjbend@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/bendahari>

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

www.ukm.my



MANUAL OPERASI PENGGUNAAN MAYBANK QR PAY

1. Muat turun aplikasi Maybank di Play Store (Android) dan App Store (iOS). *Download Maybank apps through Play Store (Android) and App Store (iOS).*
- 1.1. Klik ‘Open Account’ dan klik ‘Login to my Maybank2U’. Pilih MAE jika anda bukan pemegang akaun Maybank.
Tap on ‘Open Account’ and click ‘Login to my Maybank2U’. Tap on MAE if you are not a Maybank holder.



 [Login to my Maybank2U](#)


 [New to Maybank?](#)
Get your MAE account

- 1.2. Klik pada opsyen yang diberi untuk pendaftaran MAE.
Click the option given to proceed the MAE registration.



1.2.1. Lengkapkan maklumat yang diperlukan.

Fill up all the requirements



1.2.2. Masukkan kod rujukan jika ada dan teruskan pendaftaran.


Enter referral code if any and proceed to registration



- 1.2.3. Bersedia untuk ambil gambar Kad Pengenalan/Passport anda
Get ready to take a picture of MyKad or Passport



- 1.2.4. Benarkan kamera telefon anda untuk mengakses aplikasi ini. Ambil gambar Kad Pengenalan/ Pasport anda dan klik Next untuk
Click 'OK' to enable the camera function. Take the photo of your MyKad/ Pasport and click 'Next'




1.2.5. Sila buat pengesahan telefon nombor dan mohon untuk OTP untuk mengesahkan pendaftaran anda.

Confirm your mobile number and request OTP to authenticate the registration




1.2.6. Masukkan nombor OTP yang diterima

Enter OTP number




1.2.7. Sila buat pengesahan Top up details pada skrin
Confirm top up details in the screen



1.2.8. Selesai mendaftar M.A.E. Kongsi kod dengan rakan anda untuk admission incentive dan sila klik My Dashboard.

When you have successfully activated, share the code with your friends for admission incentive and click My Dashboard




- 1.3. Pelanggan perlu melancarkan aplikasi Maybank
Launch the Maybank app & tap on QRPay.



- 1.4. Imbas kod QR UKM
Scan the merchant's QR code



- 1.5. Masukkan amaun yang perlu dibayar
Enter the amount to pay



- 1.6. Skrin bayaran anda telah berjaya akan dipaparkan
Skrin payment is successful will appear.



- 1.7. Sila dapatkan resit rasmi UKM di kaunter.
Make sure you have official receipt from the counter
- 1.8. Selesai.
Done

